

23.2.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAPP dan PBAHB.

**PBAPP AKTIFKAN PELAN KONTINGENSI SUNGAI MUDA:
SILA GUNAKAN AIR SECARA BERHEMAT**

- **Empangan Muda di Kedah dilaporkan menurun kepada 20% pada 20.2.2026.**
- **Empangan Beris di Kedah dilaporkan berada pada paras 78.1% pada 16.2.2026.**
- **Kedua-dua empangan ini melepaskan air ke Sungai Muda semasa musim kering.**
- **Pada tahun 2025, PBAPP mengabstrak purata 1,000 JLH (juta liter sehari) air mentah dari Sungai Muda untuk menghasilkan kira-kira 85.5% daripada bekalan air terawat yang disalurkan di Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Isnin, 23.2.2026: PBAPP mengaktifkan Pelan Kontingensi Sungai Muda 2026 (SMCP 2026) bagi memastikan kecukupan bekalan air di Pulau Pinang.

Tindakan ini diambil susulan laporan status dua (2) empangan di Kedah yang melepaskan air ke Sungai Muda (sumber utama air mentah Pulau Pinang) pada 20.2.2026:

Empangan- empangan Sungai Muda	Kapasiti maksimum: juta liter (JL)	Peratusan kapasiti		Perbezaan
Empangan Muda	100,000	84.6% (1.1.2026)	20.0% (20.2.2026)	64.6%
Empangan Beris	120,000	100.0% (1.1.2026)	78.1% (16.2.2026)	21.9%
Jumlah	220,000			

Berikutan musim panas dan kering, serta aktiviti pengeluaran air bagi tujuan pengairan secara agresif sejak 1.1.2026, kapasiti Empangan Muda telah menyusut ke paras kritikal. PBAPP menjangkakan empangan ini tidak lagi dapat melepaskan jumlah air mentah yang signifikan ke dalam sistem Sungai Muda dalam masa terdekat, berkemungkinan seawal awal Mac 2026.

Sekiranya Empangan Muda terjejas, rizab Empangan Beris akan digunakan. Dengan kapasiti yang dilaporkan pada kadar 78.1% (sehingga 16.2.2026), empangan ini dijangka mampu menyokong keperluan bekalan air Kedah dan Pulau Pinang sehingga musim hujan yang diramalkan pada April 2026.

Walau bagaimanapun, faktor-faktor berikut masih belum pasti:

- Masa sebenar jangkaan ketibaan musim hujan seterusnya, berikutan perubahan iklim.
- Jumlah taburan hujan pada musim hujan akan datang serta impak sebenar terhadap kapasiti Empangan Muda dan Empangan Beris di Kedah.
- Status kedua-dua empangan Sungai Muda ini bagi baki tempoh tahun ini.

Respons PBAPP: Pelan Kontingensi Sungai Muda 2026 (SMCP 2026)

SMCP 2026 telah dirangka oleh PBAPP bagi meminimumkan impak potensi krisis Sungai Muda kepada Pulau Pinang, susulan penurunan mendadak kapasiti Empangan Muda sejak 1.1.2026.

Elemen utama SMCP 2026 adalah seperti berikut:

1. Mengabstrak sebanyak mungkin air mentah dari Sungai Muda (selagi paras sungai tidak susut di bawah 1.5m di muka sauk Lahar Tiang) bagi menyokong pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua. Pada tahun 2025, PBAPP telah mengabstrak kira-kira 1,000 juta liter sehari (JLH) dari Sungai Muda bagi membolehkan LRA Sungai Dua menghasilkan air terawat yang mencukupi untuk kira-kira 465,000 pengguna air di kawasan perkhidmatannya di Seberang Perai dan bahagian pulau, Pulau Pinang.
2. Pelepasan air mentah secara strategik dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) di Seberang Perai Tengah apabila berlaku kekurangan bekalan air mentah dari Sungai Muda. Kapasiti maksimum pengeluaran EMD ialah 600 JLH.
3. Pelaksanaan berterusan Program *Double Dam Defence* di bahagian pulau (Program D³PI) dengan mengepam secara berterusan kira-kira 407 JLH air terawat dari Sungai Dua ke bahagian pulau bagi memastikan Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang tidak kering.

Sekiranya semuanya berjalan mengikut perancangan, SMCP 2026 akan membolehkan Pulau Pinang mengharungi tahun 2026 tanpa krisis bekalan air, selagi PBAPP dapat mengabstrak sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah air mentah yang diabstrak pada tahun 2025 (iaitu 500 JLH).

Walau bagaimanapun, sila maklum bahawa SMCP 2026 mungkin tidak dapat sepenuhnya “melindungi Pulau Pinang” daripada krisis air sekiranya PBAPP tidak dapat mengabstrak sebarang air dari Sungai Muda. Ini kerana kapasiti maksimum pelepasan dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) ialah 600 JLH, sedangkan LRA Sungai Dua memerlukan kira-kira 1,000 JLH air mentah untuk beroperasi secara optimum.

Kejayaan SMCP 2026 juga bergantung kepada ketersediaan air mentah di EMD.

Sehingga 22.2.2026, kapasiti efektif EMD yang berjumlah 86,400 juta liter (JL) adalah 91.5%.

Kerjasama dan penglibatan awam: Gunakan air secara berhemat

Sehingga 22.2.2026, status bekalan air Pulau Pinang masih stabil, dengan taburan hujan sekali-sekala membantu meningkatkan kapasiti efektif empangan.

Empangan utama di Pulau Pinang	Kapasiti efektif		Perbezaan	Taburan hujan 1 – 22.2.2026
	1.1.2026	22.2.2026		
1. Air Itam	93.9%	84.1%	9.8%	84mm
2. Teluk Bahang	99.0%	91.9%	7.1%	88.5mm
3. Expanded Mengkuang	92.8%	91.5%	1.3%	276mm

Walau bagaimanapun, berikutan perubahan iklim, terdapat ketidakpastian berhubung ramalan hujan pada April serta unjuran status dua empangan Sungai Muda di Kedah pada tahun 2026 ini.

Sehubungan itu, PBAPP ingin memohon sokongan dan kerjasama para pengguna air di Pulau Pinang untuk menggunakan air secara berhemat sepanjang musim perayaan Tahun Baharu Cina dan bulan Ramadan ini.

Pada tahun 2025, penggunaan air domestik merangkumi kira-kira 55.7% (482 JLH) daripada jumlah keseluruhan penggunaan air di Pulau Pinang (865 JLH).

Justeru, sekiranya pengguna di Pulau Pinang dapat mengurangkan penggunaan air di rumah, mereka akan memainkan peranan penting dalam memastikan negeri ini mempunyai bekalan air yang mencukupi untuk semua sepanjang tahun ini.

Untuk panduan penjimatan air yang mudah dan praktikal, sila layari www.pba.com.my

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my